

**NO. SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR  
BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9501**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ]**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) berikutan dengan kenyataan terbuka YAB. Timbalan Perdana Menteri, apakah tindakan yang telah dan akan diambil ke atas "Panglima-panglima" dari Selatan Filipina yang terdapat di semua kawasan Dewan Undangan Negeri Sabah; dan

(b) apakah negeri Sabah sudah selamat daripada ancaman mereka.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius tindakan mana-mana individu yang cuba untuk menggugat keselamatan negara terutamanya apabila ia dilakukan oleh rakyat tempatan dengan penglibatan orang luar.**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian ini melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang meneruskan berusaha untuk mengenalpasti individu-individu tertentu di Negeri Sabah yang telah dilantik oleh kepimpinan Kesultanan Sulu bagi meneruskan agenda mereka untuk menuntut Sabah dari Malaysia. Bagi tahun 2016 iaitu sehingga 7 Oktober 2016, pihak polis telah menahan seramai 22 orang yang terdiri daripada 10 orang warganegara Malaysia dan 12 orang warganegara Filipina. Daripada jumlah tersebut, 3 orang adalah bertaraf Panglima manakala selebihnya pengikut biasa.**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan memberi jaminan bahawa Negeri Sabah akan terus berada di dalam keadaan aman dan selamat. Untuk itu, langkah-langkah keselamatan yang jitu sentiasa dikemaskini dan kawalan keselamatan sentiasa diperketat oleh setiap agensi yang bertanggungjawab. Bagi mencapai matlamat tersebut, kerajaan sentiasa mengambil tindakan proaktif melalui strategi berikut:**

- i. Mewujudkan rangkaian kerjasama strategik dengan Kementerian/Agensi Kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara, JPM, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan;**
- ii. Memperkasa ESSCOM dengan penambahan keanggotaan dan aset-aset keselamatan serta meneruskan Arahan Perintah Berkurung;**
- iii. Kawalan dan operasi berterusan di darat dan perairan oleh APMM, PDRM dan ATM;**
- iv. Menyelaras serta meningkatkan sistem pengurusan keselamatan negara dalam aspek perisikan, penguatkuasaan dan penglibatan pasukan keselamatan; dan**
- v. Melaksanakan pelan pengurusan krisis sebagai persediaan berhadapan dengan sebarang ancaman pengganasan.**

**Pada masa sama, beberapa pendekatan turut diambil bagi menambahbaik aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:**

- (a) Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganasan yang berpotensi untuk menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;**

- (b) Kerjasama erat dengan agensi perisikan sahabat bagi mengenalpasti aktiviti-aktiviti seumpama sebelum dipanjangkan kepada agensi-agensi keselamatan untuk tindakan lanjut;**
- (c) Meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan**
- (d) Menjalinkan kerjasama dengan semua agensi /Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
[ KUALA PILAH ]**

**SOALAN : 31**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kesan daripada kegagalan pembayaran balik pinjaman pendidikan oleh para peminjam, apakah tindakan serta langkah pihak Kementerian dan MARA dalam usaha mendapatkan kutipan pinjaman ini dan berapakah nilai hutang daripada peminjam yang masih gagal dilunaskan.

## **JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, MARA menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran di pelbagai peringkat pengajian bagi

melahirkan lebih ramai graduan yang memenuhi keperluan pelbagai sektor pekerjaan ke arah negara berpendapatan tinggi. Pelajar yang layak menerima kemudahan skim ini perlu membuat bayaran balik pinjaman pelajaran bagi membolehkan generasi seterusnya menikmati kemudahan ini. Antara kesan daripada kegagalan membayar balik pinjaman pendidikan adalah seperti berikut :

- i. Menjejaskan peluang penajaan kepada pelajar yang akan datang serta menjejaskan program pendidikan dan penajaan MARA di masa hadapan
- ii. Peminjam-peminjam yang gagal membayar pinjaman pelajaran MARA akan disenarai hitam oleh MARA daripada mendapat kemudahan MARA.

Antara tindakan serta langkah pihak Kementerian dan MARA dalam usaha mendapatkan kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran ialah :

- i. Menawarkan Pemberian Insentif (Diskaun) kepada semua peminjam pinjaman pelajaran MARA
- ii. Mengadakan Program Gerak Gempur dan Turun Padang ke Peringkat Daerah dan Pejabat MARA Negeri
- iii. Mengesan peminjam dengan membuat carian alamat dengan Jabatan Pendaftaran Negara
- iv. Surat Peringatan dan Surat Peringatan Akhir dihantar kepada peminjam
- v. Tindakan penguatkuasaan dengan lebih tegas terhadap peminjam.
- vi. Jalinan Rakan Strategik dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mempercepatkan proses pengeluaran caruman untuk membayar balik pinjaman pelajaran MARA
- vii. Bekerjasama dengan Bank Rakyat & Bank Islam bagi memudahkan peminjam pinjaman pelajaran MARA mendapatkan kemudahan

kredit untuk membayar balik pinjaman  
pelajaran MARA

- viii. Mempromosikan Pemberian Insentif (Diskaun)  
di Karnival Pendidikan MARA dan di Majlis  
Konvokesyen IPMa & IPTS